



The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

NAZAM MELAYU SEBAGAI PANDUAN HALUS DIDIKAN ANAK-ANAK

Muhamad Zaim bin Muhamad Fauzi

Jabatan Usuluddin
Kolej Islam As Sofa
Zaimfl64@gmail.com
m

Abstract:

Budaya masyarakat Melayu amat mementingkan berkaitan pendidikan anak-anak baik secara formal, mahupun tidak formal melalui dendangan puisi seperti nazam turut diselitkan unsur pendidikan. Penelitian ini menekankan pentingnya nazam Melayu sebagai bagian dari warisan budaya dan sejarah yang perlu didokumentasikan serta dilestarikan demi menjaga identitas kebudayaan Melayu. Nazam Melayu bukan hanya sekadar karya sastra, tetapi juga mengandungi nilai-nilai moral, agama, dan sosial yang diwarisi dari generasi ke generasi dalam masyarakat Melayu. Selain itu, nazam Melayu memiliki kekayaan dari segi struktur bahasa, ritme, dan rima yang unik, sehingga kajian linguistik dan estetika terhadapnya memberikan wawasan mendalam mengenai sastra Melayu. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan pengkajian kepustakaan dengan merujuk pelbagai sumber, termasuk buku sastera dan artikel, baik dalam bentuk digital maupun cetakan. Nazam, sebagai salah satu karya sastra tradisional Melayu, tidak hanya berfungsi sebagai hiburan atau bacaan semata, tetapi juga mengandungi banyak pedoman yang bernilai dalam kehidupan. Nazam sering kali memuat pesan-pesan moral, agama, dan sosial yang relevan untuk membimbing anak-anak dalam pembentukan karakter dan perilaku. Dalam konteks pendidikan, nazam berperanan sebagai media untuk menyampaikan nasihat tentang kebaikan, ketaatan kepada orang tua, pentingnya menghormati sesama, dan menjalani kehidupan yang bermoral. Melalui cerita, ritme, dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Nazam juga menjadi alat yang efektif dalam mendidik generasi muda, mengajarkan mereka untuk menjadi individu yang berbakti, bertanggungjawab, dan memiliki etika yang baik sesuai dengan ajaran budaya dan agama yang dipegang oleh masyarakat Melayu.

Keywords: nazam, melayu, masyarakat, anak-anak, budaya.

The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

A. PENDAHULUAN

Karya sastra lahir karena adanya sesuatu yang menjadikan jiwa seseorang pengarang pada suatu persoalan atau peristiwa, baik yang langsung dialaminya maupun dari kenyataan hidup sehari-hari yang berlaku dalam masyarakat setempat. Peristiwa itu sangat mempengaruhi bentuk kejiwaan seorang pengarang karya sastra sehingga memungkinkan muncul konflik atau ketegangan batin yang mendorong pengarang untuk mewujudkan karya sastra. Kehadiran karya sastra yang diungkapkan pengarang juga sering kali berkaitan dengan masalah hidup dan kehidupan manusia. Kehidupan didalam karya sastra adalah kehidupan yang diwarnai sikap, latar belakang, dan keyakinan pengarang. Oleh karena itu, kebenaran atau kenyataan dalam karya sastra tidak mungkin sama dengan kenyataan yang ada di sekitar kita. Kebenaran dalam karya sastra adalah kebenaran keyakinan, bukan kebenaran indrawi yang seperti kita lihat dalam sehari-hari.¹

Seorang pengarang mempunyai pandangan di balik karya yang diciptakannya. Pemahaman karya sastra yang ditulis pengarang tergantung pada interpretasi pembacanya. Malah untuk mendapat menginterpretasikan karya sastra dengan baik, pembaca harus memahami dengan sungguh-sungguh maksud pengarang dalam sesuatu karya sastra. Dalam menciptakan sebuah karya sastra pengarang diusahakan dapat memberikan kenikmatan dan kesenangan melalui isinya yang memberi manfaat dan cara pengungkapan bahasanya yang indah malah kita tidak merasa sia-sia dalam membacanya. Karya sastra diciptakan pengarang sudah pasti mempunyai maksud yang ingin disampaikan. Karya sastra tidak hanya untuk menghibur, tetapi menjadi alat penyampaian wejangan-wejangan atau nasihat, pendidikan dan sebagainya.²

Latar Belakang:

Nazam adalah salah satu warisan puisi Melayu yang berasal daripada puisi Arab. Ia mula berkembang di Tanah Melayu sejak kedatangan Islam sekitar abad ke-12. Nazam diambil daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud gubahan puisi yang meliputi sajak atau syair. Menurut Kamus Attulab Arab Melayu (1994), Nazam bererti merangkai, mengarang, menyusun dan mengatur.³ Definisi ini menunjukkan bahawa nazam bermakna puisi dan istilah bernazam bermaksud berlagu. Nazam terbahagi kepada dua versi lagu iaitu versi Serkam dan versi Tanjung. Nazam turut berkembang di beberapa buah negeri iaitu di Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka. Nazam di Melaka mengandungi nazam asli yang berteraskan ajaran Islam, dan nazam kreatif yang berdasarkan peristiwa atau kisah semasa.⁴

¹ Chairil Anwar, "Analisis Struktur Puisi dalam Kumpulan puisi *"Aku ini Binatang Jalang* Accepted: 24-06-2022.



The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

² Ibid

³ Hussain bin Unang, 1994, "Kamus At-tullab Arab-Melayu," Kuala Lumpur Darul fikir.

⁴ Norliza binti Md Yamin. (2023). *Tokoh Budaya Melaka 2019 (Penggerak Seni Budaya Melaka)*.

The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

Nazam boleh dikaitkan dengan unsur teori sastra iaitu melalui Teori Puitika Sastra Melayu yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Saleh, seorang professor sastra Melayu di Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (1998). Beliau boleh dianggap sebagai pelopor penerokaan teori sastra tempatan sekitar akhir tahun 1989.⁵ Gagasan Puitika Sastra Melayu diperincikan pada awalnya dalam buku Puitika Sastra Melayu, yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989. Puitika Sastra Melayu bertunjangkan kepada konsep keindahan yang mendasari sastra Melayu tradisional. Dengan penelitian yang bersifat analitis terhadap ribuan pantun Melayu, Muhammad menemukan idealisme keindahan yang bersalut dalam hasil kesusasteraan Melayu tradisional itu.⁶

Oleh yang sedemikian, karya sastra seperti nazam bukan sahaja berupaya menyerlahkan falsafah dan pemikiran manusia, masyarakat serta bangsa boleh juga mengasuh, mengajar dan mentarbiyah manusia. Justeru fitrah manusia itu lahirnya indah dan sempurna (sebaik-baik kejadian) maka karya sastra itu tentunya memenuhi naluri fitrah kejadian manusia itu. Dalam konteks ini nazam penting dalam usaha membentuk dan memperkukuhkan pembinaan karakter sesuatu bangsa, khususnya karakter anak-anak bangsa yang mencerminkan keunggulan pertumbuhan peradaban negara bangsa.⁷

TUJUAN PENULISAN:

Tujuan penelitian ini yakni untuk mendeskripsikan struktur nazam Melayu sebagai panduan halus didikan anak-anak, seperti;

- 1- Memahami latar belakang serta perkembangan sejarah Warisan Budaya: Nazam Melayu adalah bagian penting daripada sastra lisan dan tulisan dalam budaya Melayu. Penelitian bertujuan untuk mendokumentasikan dan melestarikan tradisi ini sebagai bagian dari identitas kebudayaan Melayu.
- 2- Menggali Nilai-nilai dan Ajaran Moral: Banyak Nazam Melayu mengandung pesan-pesan moral, agama, dan sosial. Penelitian dapat mengungkap nilai-nilai ini serta bagaimana mereka memengaruhi masyarakat Melayu dari generasi ke generasi.
- 3- Mempelajari Struktur Bahasa dan Gaya Sastra: Nazam Melayu memiliki keunikan dalam segi bahasa, ritma. Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur linguistik dan estetika sastra Melayu, baik dari segi bentuk maupun fungsi.

B. TELAAH PUSTAKA

Secara umumnya, setiap kajian pasti mempunyai bahan rujukan yang dikenali sebagai sumber primer atau sekunder. Sumber Primer merujuk kepada bahan-bahan asli yang dihasilkan oleh individu atau kumpulan yang terlibat secara langsung dalam peristiwa atau

⁵ Zuriati, "Nazam Ratap Fatimah: Dari Rumah Duka ke Surau", *Rumah Duka ke Surau Sari* 25 (2007) 263 – 278.



The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

⁶ Ibid

⁷ Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Hj.Wahid, “Pendidikan Sastera Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar”, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, (Perak azhar@fbk.upsi.edu.my) hlm 4.

kajian tersebut antara contoh sumber Primer termasuklah dokumen rasmi, surat-menyurat, diari, catatan lapangan, wawancara, dan data statistic yang berbentuk asli. Manakala sumber sekunder pula merujuk kepada bahan-bahan yang dianalisis, diulas, atau disusun semula berdasarkan sumber primer seperti sumber sekunder termasuklah buku, artikel jurnal, kajian ilmiah, dan ensiklopedia. Dalam menulis sesuatu kajian, penggunaan sumber primer dan sekunder adalah penting untuk memberikan latar belakang yang kukuh, analisis yang mendalam, serta pandangan yang lebih komprehensif mengenai topik yang dikaji. Bagi menghasilkan kajian kali ini terdapat pembacaan yang telah dilakukan daripada pelbagai sumber sekunder seperti buku, jurnal dan buku digital.

Kajian lepas yang paling penting bagi penulisan ini ialah hasil kajian Abdul Halim Ali.⁸ Berdasarkan penulisan buku beliau yang berjudul Inti Sari Teori Sastera, telah menerangkan berkaitan bidang sejarah sastera dan teori sastera barat dan Malaysia. Malah beliau memasukan teori puitika sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhamad Salleh, seorang professor sastera Melayu di jabatan pesuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (1989). Beliau boleh dianggap sebagai pelopor penerokaan teori sastera tempatan sekitar akhir tahun 1989. Salah satu kekuatan dan keunggulan kesusasteraan Melayu klasik pada Muhamad ialah nilai keindahan yang terpadu di dalam karya-karya kesusasteraannya. Berdasarkan penulisan buku beliau yang berjudul Inti Sari Teori Sastera, telah menerangkan berkaitan bidang sejarah sastera dan teori sastera barat dan Malaysia. Malah beliau memasukan teori puitika sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhamad Salleh, seorang professor sastera Melayu di jabatan pesuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (1989). Beliau boleh dianggap sebagai pelopor penerokaan teori sastera tempatan sekitar akhir tahun 1989. Salah satu kekuatan dan keunggulan kesusasteraan Melayu klasik pada Muhamad ialah nilai keindahan yang terpadu di dalam karya-karya kesusasteraannya.

Mendekati teks kesusasteraan berasaskan teori ini, bermakna pengkritik meletakkan diri mereka pada landasan puitika dengan Hasrat untuk membuktikan kehadiran ciri-ciri estetika yang membina makna teks. Muhammad menjelaskan secara terperinci ciri-ciri keindahan yang menjadi teras puitika dan prosa Melayu tradisional yang dikajikannya. Secara umum dapat dirumuskan lima ciri puitika sastera Melayu, iaitu, keindahan dalam mengajar atau mendidik, keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan, keindahan dalam penceritaan dan keindahan dalam merasai keindahan yang asli.

C. METODOLOGI PENULISAN

Bagi proses menyelesaikan kajian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pengkajian kepustakaan (*library research*) yang mengumpulkan maklumat dari pelbagai rujukan serta mengkaji bahan-bahan tersebut, terutamanya buku-buku sastera sama ada berbentuk buku digital atau artikel. Menurut Patton, data kualitatif terhasil daripada tiga jenis iaitu melalui hasil pemerhatian huraian terperinci tentang situasi, kejadian, inter tingkah laku yang diamati di lapangan.⁹ Para peneliti kualitatif menekankan sifat re...



The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

⁸ Abdul Halim Ali, “Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia” hlm 185-186.

⁹Kamarul Azmi Jasmi, *Metodologi Pengumpulan data dalam penyelidikan Kualitatif, Universiti Teknologi Malaysia*, hlm 10.

dibangunkan secara sosial, serta hubungan erat antara peneliti dan objek yang hendak diteliti dan tekanan situasi yang membentuk sebuah penelitian. Peneliti kualitatif amat mementingkan sifat penelitian dengan syarat-syarat yang bernilai dan mencari jawapan atas pertanyaan yang menyeluruh tentang kaedah munculnya pengalaman sosial serta memperolehi pelbagai maklumat yang telah didapati.¹⁰

D. HASIL PENELITIAN

Pendidikan menurut orang awam adalah “mengajari murid di sekolah, mendidik anak hidup beretika, menekuni penelitian, membawa anak ke mesjid, melatih anak menyanyi, bertukang, dan lain-lain.¹¹ Pada sekitar abad ke-6 SM orang-orang Yunani telah mengenal istilah pendidikan, mereka menyatakan bahwa pendidikan adalah “usaha membantu menjadi manusia dengan tiga kriteria iaitu:¹²

1- Memiliki kemampuan dalam mengendalikan diri.

2- Cinta

tanah air.

3-Berpengetahuan

.
Disebutkan bahwa salah satu kriteria menjadi manusia adalah mampu mengendalikan diri. Pernyataan tersebut merupakan cikal bakal lahirnya istilah *Emotional Intelligence* (EI) atau *Emotional Quotient* (EQ) yang berarti kecerdasan emosional, yang muncul pada dekad 90-an (sekitar tahun 1995) dalam buku Goleman.¹³

Pendidikan dapat diartikan juga sebagai sebuah proses dengan kaedah-kaedah tertentu sehingga orang memperoleh pengetahuan, pemahaman, dan cara bertingkah laku yang sesuai dengan kebutuhan.¹⁴ Pernyataan tersebut menitikberatkan kepada kebutuhan manusia. Sebagaimana kita perlu ketahui bahwasannya kebutuhan manusia berbeda-beda pada setiap individunya, hal ini tentunya disebabkan beberapa faktor, salah satunya ialah faktor lingkungan kehidupan yang berbeza. Pendidikan benar-benar perlu dirumuskan secara komprehensif, sehingga manusia dapat memenuhi kebutuhannya.

Dalam Dictionary of Psychology (1972) pendidikan diartikan sebagai “...*the institutional procedures which are employed in accomplishing the development of knowledge, habits, attitudes, etc. Usually the term is applied to formal institution*”. Jadi pendidikan berarti

tahapan kegiatan yang bersifat kelembagaan (seperti sekolah dan madrasah) yang dipergunakan untuk menyempurnakan perkembangan individu dalam menguasai

¹⁰ Ibid, hlm 14.

¹¹ Ahmad Tafsir, “*Ilmu Pendidikan dalam Perspektif Islam*”, (Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, 2010), Cet. IX,

The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

hlm 24.

¹² Ibid, hlm 33.

¹³ Ibid

¹⁴ Muhibbin Syah, *Psikologi Pendidikan*, (Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, 2013), Cet, 18, hlm 10.

pengetahuan, kebiasaan, sikap, dan sebagainya.¹⁵ Adapun pendidikan menurut para ahli, menurut Marimba “pendidikan adalah bimbingan atau pimpinan secara sadar oleh pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani anak didik menuju terbentuknya kepribadian yang utama.¹⁶ Definisi oleh Marimba lebih menekankan kepada siapa pelaku pendidikan, dan membatasi bahwa pendidikan adalah usaha sadar oleh seseorang kepada orang lain.¹⁷

Adapun pengertian pendidikan Ki Hajar Dewantara yang merupakan Bapak Pendidikan di Indonesia. Beliau mengatakan bahwa pendidikan berarti “daya upaya untuk memajukan pertumbuhan budi pekerti (kekuatan batin atau karakter), pikiran (intelekt) dan tubuh anak yang antara satu dan lainnya saling berhubungan agar dapat memajukan kesempurnaan hidup, yakni kehidupan dan penghidupan anak-anak kita, dididik selaras dengan dunianya.¹⁸ Dari penjelasan di atas dapat ditarik kesimpulan bahwa pendidikan adalah usaha sengaja serta sadar sebagai proses dalam membina sumber daya manusia dari semua aspek kehidupan secara optimal, agar manusia siap dan mampu melakukan perannya sebagai manusia sejati, dalam arti tujuan manusia dalam agamanya dan negaranya, dipengaruhi oleh pelaku pendidikan seperti diri sendiri, lingkungan keluarga, lingkungan sekolah, dan lingkungan pendidikan lainnya.

Pada era kegemilangan kerajaan Melayu Islam, seperti Melaka, Aceh, dan Patani, nazam menjadi medium pendidikan. Para ulama dan guru menggunakan nazam untuk mengajarkan ilmu agama kepada masyarakat dengan menggunakan irama berbentuk nazam yang memudahkan orang menghafalnya, sehingga nazam menjadi alat penting dalam penyebaran ajaran Islam.¹⁹ Dalam perkembangannya, nazam tidak hanya berfungsi dalam konteks agama sahaja. Malah nazam juga memainkan peranan dalam sastra Melayu klasik sebagai karya seni dengan tema yang lebih luas, seperti kisah kepahlawanan, cinta, nasihat moral, dan cerita-cerita kehidupan. Gaya bahasa dalam nazam semakin berkembang serta mengekalkan elemen keagamaan yang menjadi salah satu landasan kesasteraan Melayu.²⁰

Pada masa kolonialisme, peranan nazam sebagai media pendidikan berkurang karena pendidikan modern yang diperkenalkan oleh penjajah mulai menggugat tradisi lisan. Namun, di beberapa wilayah pedalaman dan di kalangan pesantren tradisional, nazam tetap dipelajari dan diajarkan sebagai bagian dari warisan budaya Islam.²¹ Meskipun sudah tidak lagi sepopuler dahulu, nazam tetap mendapat tempat dalam beberapa upacara adat dan keagamaan, seperti pernikahan, majlis kesyukuran, dan perayaan Maulid Nabi. Beberapa seniman modern juga mencoba menghidupkan kembali nazam dalam bentuk yang lebih modern dengan memasukkan unsur musik dan seni pertunjukan.²²

¹⁵ Ibid, hlm 11

¹⁶ Ibid, hlm 24

¹⁷ Ibid, hlm 25

¹⁸ Abuddin Nata, *Metodologi Studi Islam*, (Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada, 2004), Cet. IX, hlm. 338

¹⁹ Abdul Hadi W. M. (2016). *Islam dalam Tradisi Sastra dan Seni Nusantara*. Jakarta: Paramadina. hlr

²⁰ Harun Mat Piah (2015). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. (Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka) hlm 34.

The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

²¹ Ibid hlm 35

²² Mardiana Mohamad (2015). "The Role of Nazam in Malay Traditional Education". Jurnal Pendidikan dan Pembangunan Sosial, 9(1), 22-30.

Manakala Nazam dalam bahasa Arab bermakna puisi (poem) atau poetry secara umum, samalah seperti syair dalam bahasa Arab yang juga bermakna puisi.²³ Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (1990 : 610), nazam digunakan sebagai istilah teknis terhadap jenis puisi Melayu tradisional, mula-mula digunakan oleh Bukhari al Jauhari dalam karya agungnya yang berjudul Tajus Salatin (Mahkota Segala Raja-raja), dikarang kira-kira tahun 1603.²⁴

Contoh nazam yang dijumpai dalam kitab tersebut adalah :

Bahwa bagi raja sekalian
Hendak ada menteri sekalian
Yang pada suatu pekerjaan
Sempurnakan segala Kerajaan

Menteri inilah maha tolan raja
Dan peti segenap rahasianya
Kerana kata raja itu katanya
Esa artinya dan dua adanya

Nazam Limo Koto Kampar (selanjutnya disingkat dengan Nazam Kampar), yang dalam bahasa Melayu dialek Limo Koto disebut nolam, merupakan sastra lisan bernuansa Islam yang tetap eksis di Provinsi Riau. Genre ini selalu ditampilkan terutama dalam acara-acara keagamaan dan adat. Eksistensinya di masyarakat berkait rapat dengan fungsinya sebagai media pendidikan non formal agama Islam.²⁵ Nazam Kampar sebenarnya berbentuk syair terdiri daripada empat baris se bait dengan variasi persajakan berpola aa-aa, dengan variasi persajakan ab-ab, ab-bb dan abcd.²⁶ Itulah sebabnya istilah nazam/nolam dengan mudah diubah namanya menjadi syair, tanpa mengubah isinya. Misalnya Nazam Hasan, Nazam Ratapan Yatim, Nazam Bunga, dan Nazam Burung, diubah genrenya oleh seniman tradisional Limo Koto menjadi syair, dengan sedikit ubah suai persajakannya menjadi seluruhnya berpola aa-aa.

Hal ini agak berbeza apabila diperbandingkan dengan nazam yang terdapat di Trengganu dan Pahang (Malaysia), yang amnya terdiri daripada 2 baris se bait, masing-masing baris mempunyai 5-6 kata dan mempunyai 10-11 suku kata, dengan pola a-a, dengan variasi ab, b-b dan b-c . Namun, dijumpai juga sebuah nazam yang berbentuk syair : se bait terdiri dari empat baris, bersajak akhir aa-aa dengan beberapa variasi, seperti Nazam Dua Puluh Lima

Rasul yang disusun oleh Bahauddin Zaman Syah danditerbitkan oleh Sulaiman Mar'ie Singapura-Pulau Pinang.²⁷

²³ Dr. Sudirman Shomary, M.A, " Nazam Limo Koto Kampar Riau" hlm 2.

²⁴ Ibid

²⁵ Ibid, hlm 4

²⁶ Ibid

²⁷ Ibid

Nazam sering mengandungi nasihat dan pengajaran moral. Melalui nazam, nilai-nilai positif seperti kejujuran, kesabaran, hormat kepada orang tua, dan cinta kepada Allah dan Rasul dapat disampaikan dengan cara yang lebih halus dan menyentuh hati. Malah, nazam memberikan ruang kepada penulis atau pengarang untuk mengekspresikan kreativiti mereka dalam menyusun kata-kata yang indah dan bermakna serta mengasah kebolehan berbahasa dan memperkayakan bahasa Melayu dengan ungkapan-ungkapan yang puitis dan bernilai estetika tinggi.²⁸

Secara am nazam-nazam yang terdapat di Malaysia berisi :

- a. Cerita kehidupan Nabi Muhammad SAW, mengenai keluarganya, mukjizatnya, kehidupan semasa kecil sehinggalah wafat.
- b. Pengajaran mengenai Ilmu Tauhid, Sifat Dua Puluh dan Sifat Rasul, termasuk jenis ini adalah Jawahir al Saniyyah.
- c. Pengajaran mengenai Ilmu Fiqih, Ibadat terutama perihal bersuci (Thaharah) dan sholat.
- d. Rukun Iman, terutama Nazam Dua Puluh atau 'Aqid al-Iman.
- E. Nazam berbentuk nasihat atau pengajaran kepada pendengar seperti nazam Melayu.

Contoh nazam yang berbentuk mendidik anak-anak supaya mengingati jasa ibu dan ayah seperti :

(karya Roslan Madun)

Ibu mengandung Sembilan bulan
Lebih dan kurang tak ditentukan (Rangkap
Pertama) Lahirkan dikau berapa kesakitan
Berpantang pula minum dan makan..

Harap ibumu bukan sedikit
Tinggilah harap darinya bukit
Lama ibumu merasa sakit (Rangkap ketiga)
Sembilan bulan tidak berbangkit..

Menunjukkan bahawa pemikiran orang Melayu pada ketika itu menyedari dan memandang tinggi pengorbanan dan kesakitan yang dirasai oleh seorang ibu untuk melahirkan anak. Kesakitan yang ditanggung bukanlah sedikit malah dirasai dalam tempoh yang lama. Selepas

kelahiran, ibu perlu menjaga makan dan minumannya juga. Malah, ibu juga menyimpan harapan terhadap anaknya sejak dalam kandungan lagi.

²⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969). Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kenang ayahmu anak bagsawan
Barang katanya jangan dilawan
Ibu bapamu hubungan Tuhan (Rangkap
kelapan) Baru sempurna anak Budiman..

Hai segala anaknya Adam
Kasihnya ibu tiada sempadan
Kasihnya ayah rela berkorban (Rangkap Kesembilan)
Badan dan nyawa jadi taruhan..

Menunjukkan pemikiran masyarakat Melayu pada ketika itu amat tegas dalam mendidik anak-anak apabila sudah meningkat usia supaya membalas budi, jasa dan pengorbanan ibu bapa untuk membesarkan anak sehingga berjaya. Jika anak itu telah berjaya sehingga digelar bangsawan, anak itu harus membalas semula kebaikan ibu bapanya kerana taat terhadap ibu bapa amat disukai oleh Tuhan. Semua manusia diingatkan semula bahawa kasih sayang dan cinta ibu bapa tidak ternilai. Mereka sentiasa bersedia untuk berkorban demi anak.

E. PENUTUP

Kesimpulannya, budaya Masyarakat Melayu terdahulu amat mementingkan berkaitan pendidikan anak-anak sama ada melalui nazam, puisi dan selokah. Hal ini kerana, anak adalah harta tiada ternilai dianugerahkan oleh Allah S.W.T., kepada sesuatu pasangan hidup yang bergelar ibu dan bapa. Ibu bapa bertanggungjawab membentuk anak-anak mereka sebagai anak cemerlang atau sebaliknya.²⁹ Dalam ajaran Islam mendidik dan membentuk peribadi anak agar patuh kepada perintah Allah S.W.T., adalah suatu kewajipan mutlak. Malah, cara ibu bapa mendidik anak-anak dengan sempurna bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan emosi anak-anak, malah turut mempengaruhi personaliti anak-anak itu sendiri.³⁰ Ibu bapa yang proaktif dalam usaha membentuk sikap dan akhlak anak-anak biasanya memberikan inspirasi positif kepada anak selain mengambil berat tentang pendidikan dan aktiviti di rumah atau di sekolah.³¹ Malah, didikan dengan penuh kasih sayang daripada ibu bapa secara berterusan perlu diamalkan kepada anak-anak mereka sejak

anak masih kecil. Pada peringkat kanak-kanak masih kecil dikatakan segala proses perkembangan dan pembentukan keperibadian akan mencorak kehidupan seseorang pada

²⁹ Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali, "Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang", (Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka), hlm 3.

³⁰ Ibid

³¹ Ibid



The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

masa hadapan. Berkata Kamarul Azmi menyatakan tabiat dan kelakuan seseorang itu tercorak daripada didikan semasa kanak-kanak.³² Tatacara kehidupan seorang anak itu merupakan cerminan kepada didikan yang telah diterima sebelum mereka meningkat dewasa atau semasa proses mereka membesar.³³ Akhirul kalam, semoga pertunjukan nazam berperanan mempertahankan, menyebarluaskan dan meneruskan karya sastra tersebut kepada khalayaknya.

³² Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). "Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (Islamic Education: Teaching and learning)". (Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press), hlm 7.

³³ Ibid



The Proceedings of the 1st International Conference on Culture, Language, and Literacy

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali, “Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang.
- Abdul.Halim, “Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia”, Terbitan NHA Excell Resources Shah Alam Selangor.
- Abuddin Nata, Metodologi Studi Islam, (Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada, 2004), Cet. IX.
- Ahmad Tafsir, Ilmu Pendidikan dalam Perspektif Islam, (Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, (2010), Cetakan IX.
- Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Hj.Wahid, “Pendidikan Sastera Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar”, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, (Perak azhar@fbk.upsi.edu.my).
- Kamarul Azmi Jasmi, Metodologi Pengumpulan data dalam penyelidikan Kualitatif, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardiana Mohamad (2015). "The Role of Nazam in Malay Traditional Education". Jurnal Pendidikan dan Pembangunan Sosial, 9(1), 22-30.
- Sudirman Shomary, M.A, “ Nazam Limo Koto Kampar Riau.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969). Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.